

Mahathir tidak yakin kata dua NATO

24 APR 1994

RAWANG 23 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak yakin dengan kata dua Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) yang memberi tempoh sehingga esok kepada puak Serb untuk berundur dari bandar Gorazde, Bosnia.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya akan meletakkan kepercayaan pada NATO sekiranya ia benar-benar melancarkan serangan udara terhadap pengganas-pengganas Serb yang mencerobohi bandar itu sejak beberapa minggu yang lalu.

"Saya akan percaya kalau ia berlaku. Sudah banyak dah kata dua yang tidak disusuli dengan tindakan.

Perkembangan

"Saya kurang yakin dengan mereka," kata beliau kepada para pemberita selepas melancarkan Kilang Palm-Oleo Sdn. Bhd. Kawasan Perindustrian Kundang, dekat sini, hari ini.

Bagaimanapun kata beliau, Malaysia perlu mengikuti perkembangan di negara bekas Yugoslavia kerana tidak tahu apa yang harus dilakukan.

"Kita kena ikut keadaan. Saya sendiri tidak tahu apa nak buat," katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas amaran NATO kepada Serb supaya berundur sekurang-kurangnya pada jarak tiga kilometer dari Gorazde ataupun menghadapi kemungkinan tindakan serangan udara.

■ Lihat muka 2

Mahathir tidak yakin kata dua NATO

Tempoh kata dua NATO itu akan tamat pagi esok.

Dalam pada itu, Majlis Keselamatan PBB pula dijangka meluluskan satu ketetapan mengancam serangan Serb dan menuntut supaya mereka berundur ke kedudukan yang jauh daripada jarak bedilan Gorazde.

Dr. Mahathir berkata, beliau telahpun mengirim surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Boutros Boutros-Ghali, Presiden Amerika Syarikat, Perdana Menteri Pakistan, Bangladesh dan Turki supaya menghantar tentera tambahan ke Bosnia-Herzegovina dan menyediakan senjata yang berkesan kepada askar Malaysia.

"Saya hantar surat kepada Setiausaha Agung PBB, Clinton, Perdana Menteri Pakistan, Bangladesh dan Turki minta menghantar tentera tambahan ke sana," katanya.

Diminta mengulas cadangan Russia supaya diadakan persidangan tergepar antarabangsa bagi mencari jalan penyelesaian terhadap masalah di Bosnia, Dr. Mahathir berkata, sudah banyak mesyuarat diadakan tetapi rakyat Bosnia terus terbunuh.

"Sambil ada perbincang-

an, mesyuarat dia orang kena bunuh ... sudah ada banyak mesyuarat. Orang kena bunuh, dia ada mesyuarat," tambahnya.

Berhubung kedudukan tentera Malaysia di Bosnia, beliau berkata, MALBATT akan tetap berada di negara itu selagi Pasukan Pengaman PBB dikekalkan.

Kata beliau, Malaysia perlu patuh pada arahan PBB walaupun kurang percaya dengan keputusan-keputusan yang diambil.

"Soal sama ada mahu tarik balik tentera tidak timbul pada waktu sekarang," katanya.

Mengenai pengganti Boutros-Ghali, kata beliau, Setiausaha Agung PBB seharusnya merupakan seorang yang berpegang pada prinsip kemanusiaan.

Dalam hal ini, kata beliau, Malaysia tidak berpegang pada soal agama kerana yang penting orang yang memegang jawatan itu seharusnya mempunyai prinsip kemanusiaan.

"Kita tidak pegang pada agama, asalkan dia pegang prinsip kemanusiaan," katanya.

Sementara itu Dr. Mahathir berkata beliau telah meminta Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan Setiausaha Agung Bangsa-

bangsa Bersatu Boutros Boutros-Ghali melengkapkan 1,500 anggota tentera Malaysia di Bosnia-Herzegovina dengan senjata yang lebih berkesan.

Ini, menurut beliau, memandang keadaan yang tidak menentu di negara bekas republik Yugoslavia itu.

Perdana Menteri berkata beliau telah mengutus surat berkenaan kepada Presiden Clinton hari ini.

Mahathir juga menghantar surat kepada perdana-perdana menteri Bangladesh, Pakistan dan Turki meminta mereka menghantar tentera darat masing-masing ke Bosnia secepat mungkin.

Ketiga-tiga surat itu dihantar hari ini, Dr. Mahathir memberitahu pemberita selepas membuka sebuah kilang minyak sawit, Palm-Oleo Sdn Bhd, di kawasan perusahaan Kundang di Rawang, 30 km dari sini.

Sambil menegaskan bahawa Malaysia tidak akan mengundurkan tenteranya dari zon peperangan, Dr. Mahathir berkata, batalion Malaysia, yang kini dilengkapi senjata ringan, perlu mempunyai senjata yang lebih berkesan untuk menghadapi keadaan yang semakin meruncing di sana.